



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

MALAYSIAN PINEAPPLE INDUSTRY BOARD

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan

Ministry Of Agriculture And Food Industry

Wisma Nanas,
No.5, Jalan Padi Mahsuri,
Bandar Baru Uda,
81200 JOHOR BAHRU,
JOHOR, MALAYSIA

Tel : 07-2361211/012
07-2351587
Faks : 07-2365694/5451
Email : umum@mpib.gov.my
Portal Rasmi : <http://www.mpib.gov.my>

Surat kami : LPNM.600-6/2/3
Tarikh : 03 Oktober 2024

**Para Penyelidik Universiti Awam / Universiti Swasta /
Pihak Perunding / Usahawan / Swasta**

Tuan,

JEMPUTAN DAN PELAWAAN UNTUK MENJALANKAN KERJASAMA KAJIAN PENYELIDIKAN DI BAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI PRODUK NANAS BERINOVASI RMK-12 BAGI TAHUN 2025

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia telah mewujudkan peluang inovasi dengan menyediakan insentif kepada agensi penyelidik tempatan dalam usaha mengembangkan industri berasaskan sumber nanas seterusnya secara tidak langsung kepelbagaian produk inovasi agronanas dapat dipertingkatkan.
3. Fokus utama bagi pemilihan projek penyelidikan bagi tempoh RMK-12 adalah seperti berikut;
 - i. Kajian penyelidikan sekurang-kurangnya di fasa *applied* dan tertumpu kepada Potensi Pembangunan Kepelbagaian Produk Berasaskan Nanas / Sisa Nanas (Makanan/Bukan Makanan/Kosmetik/Kesihatan) atau
 - ii. Kajian penyelidikan tertumpu kepada Pembangunan Mekanisasi atau Teknologi bagi Industri Hiliran Nanas.
 - iii. Penyelidikan digalakkan secara perkongsian strategik antara pihak industri, agensi penyelidik dan usahawan bagi penghasilan prototaip dan potensi pengkomersialan.
 - iv. Tempoh penyelidikan tidak melebihi satu (1) tahun atau 12 bulan.
 - v. Pelaksanaan kajian penghasilan produk inovasi berasaskan nanas mestilah menggunakan sekurang-kurangnya 50% nanas, jika berkaitan.
 - vi. Mempunyai nilai komersial yang tinggi.
 - vii. Impak yang besar kepada pekebun, usahawan dan Industri.

4. Sehubungan dengan itu kami ingin menjemput pihak tuan untuk mengemukakan kertas cadangan mengikut format seperti di **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**. Cadangan kajian yang lengkap hendaklah dihantar secara bertulis dan di emelkan kepada **Puan Noor Fadzillah binti Abdul Rashad** (noorfadzillah@mpib.gov.my) atau **Cik Nur Hidayah binti Zulkhairi** (nurhidayah@mpib.gov.my) selewat-lewatnya pada atau sebelum **30 November 2024**.

5. Sekiranya pihak kami tidak menghubungi tuan dalam tempoh **2 bulan** dari tarikh akhir penghantaran cadangan kajian permohonan tuan dianggap **tidak berjaya**. Sebarang pertanyaan tuan boleh menghubungi Puan Noor Fadzillah Bt Abdul Rashad di talian 07-236 1211 sambungan 130 atau 018-763 4092.

6. Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara tersebut amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PENERAJU INDUSTRI NANAS MALAYSIA”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ELMIE ADHA BIN ISMAIL)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Produk & Bioteknologi


Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

s.k : Y.Brs. Ketua Pengarah
Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah } Untuk makluman pihak tuan

**FORMAT BAGI KERTAS CADANGAN (PROPOSAL PAPER)
KAJIAN PENYELIDIKAN INDUSTRI PRODUK NANAS BERINOVASI**

1. Kertas cadangan perlulah dihantar dalam dwi bahasa
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Inggeris

2. Kertas cadangan perlu mengikut format seperti berikut:-
 - 1.0 TAJUK PROJEK (*Project Titles*)
 - 2.0 PENDAHULUAN (*Introduction*)
 - 2.1 RINGKASAN PROJEK (*Project Summary*)
 - 2.2 PENYATAAN MASALAH (*Problem Statement*)
 - 2.3 CADANGAN PENYELESAIAN DAN KELEBIHAN KAJIAN
(*Proposed Solution and Research Advantages*)
 - 3.0 OBJEKTIF KAJIAN (*Research Objectives*)
 - 4.0 TEMPOH PROJEK (*Project Duration*)
 - 5.0 PENYELIDIK YANG TERLIBAT (*Researchers*)
 - 5.1 KETUA PENYELIDIK
 - 5.2 PENYELIDIK
 - 6.0 LOKASI KAJIAN DIJALANKAN (*Research Location*)
 - 7.0 KAEDAH DAN BAHAN (*Materials and Methods*)
 - 8.0 KOS PROJEK (*Project Costing*)
 - 8.1 ANGGARAN KOS KESELURUHAN (*Estimated Total Cost*)
 - 8.2 PERINCIAN KOS (*Details of Cost*)
 - 9.0 PELAN TINDAKAN PROJEK (*Project Action Plan/ Project Milestone*)
 - 10.0 JUSTIFIKASI PROJEK (*Project Justification*)
 - 11.0 JANGKAAN HASIL PROJEK (*Expected Outcomes*)
 - 12.0 IMPAK PROJEK (*Project Impact*)
 - 13.0 RUJUKAN (*References*)

	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK DAN BIOTEKNOLOGI
	BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENYELIDIKAN KAJIAN PENYELIDIKAN INDUSTRI PRODUK NANAS BERINOVASI

A. MAKLUMAT KETUA PROJEK / PENYELIDIK	
Nama	:
Nombor Kad Pengenalan	:
Jawatan	:
Akademik / Kelayakan Profesional / Syarikat	:
Nama dan Alamat Institusi Penyelidikan	:
Nombor Telefon (Bimbit)	:
Nombor Telefon (Pejabat)	:
Nombor Faksimili (Pejabat)	:
Alamat E-mail	:

B. RINGKASAN / MAKLUMAT KAJIAN

Tajuk Projek	:	
Objektif Projek	:	
Ringkasan Projek	:	
Jangkaan Hasil Projek	:	
Ketua Projek	:	
Ahli Projek	:	
Tempoh Projek	:	
Projek Mula	:	
Projek Tamat	:	
Kos Projek	:	